

- (e) Sebab-sebab tender terpilih dicadangkan.
 - (f) Senarai kontraktor yang dicadangkan.
 - (g) Tempoh Siap Inginan.
 - (h) Maklumat kontraktor termasuk alamat, kelas, taraf, rekod pengalaman kerja yang lepas dan kerja semasa.
- 6.4.3 Memandangkan kemungkinan berlakunya muafakat dalam tender terhad, semua maklumat yang berkaitan adalah SULIT.

6.5 Notis Tender⁹

- 6.5.1 Semua pelawaan tender tempatan hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu (1) akhbar harian utama Bahasa Melayu. Kandungan iklan tender hendaklah jelas, kemas, ringkas dan tidak mendatangkan apa-apa keraguan atau pembaziran. Kandungan iklan tender hendaklah menyatakan perkara-perkara berikut:
 - (a) Agensi yang memanggil tender;
 - (b) Tajuk tender yang diiklankan;
 - (c) Jenis tender, sama ada terbuka dan/atau khas Bumiputera;
 - (d) Syarat-syarat kelayakan petender:
 - (i) bagi tender bekalan dan/atau perkhidmatan -berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang dan sub-bidang yang berkenaan; atau
 - (ii) bagi tender kerja - berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah kelas, kepala dan subkepala yang berkenaan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan;
 - (e) Tempat, tarikh dan masa dokumen tender dijual;

⁹ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 bertarikh 27 Februari 2007